



KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>



KOPERKASA DEKATI ANGGOTA MENERUSI HARI TERBUKA HARMONI DAN PENGHARGAAN KEANGGOTAAN

KUCHING, 13 Ogos 2026 – Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa) terus memperkukuh hubungan bersama anggotanya menerusi penganjuran Hari Terbuka Harmoni & Penghargaan Keanggotaan yang berlangsung di pejabat Koperkasa, di sini, hari ini.



Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang itu menjadi platform untuk Koperkasa mendekati anggota, di samping menyampaikan penghargaan kepada anggota yang aktif menggunakan perkhidmatan koperasi serta memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pengerusi Koperkasa, Tuan Haji Fathi Bin Haji Hambali, dalam ucapan beliau berkata, penganjuran Hari Terbuka bersama anggota merupakan salah satu pendekatan terkini Koperkasa dalam usaha mendekati anggota untuk mengeratkan silaturahim dan menghargai anggota yang selama ini menjadi tunjang kepada Koperkasa.

Antara pengisian utama program ialah penyampaian hadiah penghargaan kepada anggota melalui cabutan bertuah, khususnya kepada anggota yang paling banyak menggunakan perkhidmatan Koperkasa. Seramai lima anggota yang bertuah menerima hadiah berupa barangan elektrik dan peralatan rumah.



Pada majlis yang sama, Koperkasa turut menyampaikan zakat perniagaan berjumlah RM44,544 melalui replika cek kepada Tabung Baitulmal Sarawak. Sumbangan tersebut diterima oleh Ustaz Muamar Gadaffi Bin Abdul Hadi, Ketua Unit Dakwah & Amil, yang mewakili pihak Tabung Baitulmal Sarawak.

Penyampaian zakat berkenaan mencerminkan komitmen Koperkasa dalam menunaikan tanggungjawab sosial dan menyumbang kepada pembangunan serta kebajikan masyarakat melalui saluran zakat yang ditetapkan.

Dalam perkembangan berkaitan kebajikan anggota, Tuan Haji Fathi Bin Haji Hambali turut memaklumkan bahawa sebanyak RM246,324 telah dibayar kepada anggota melalui Tabung Kebajikan Koperkasa sehingga Julai 2026.

Menurut beliau, bantuan tersebut meliputi pelbagai bentuk sokongan kepada anggota, antaranya insentif persaraan, tuntutan khairat kematian, tuntutan kos perubatan serta sumbangan malapetaka.

Selain penyampaian penghargaan dan zakat, program turut dimeriahkan dengan pameran produk dan perkhidmatan Koperkasa menerusi beberapa booth yang disediakan untuk kemudahan anggota dan pengunjung.



Antara yang diketengahkan ialah promosi keanggotaan baharu, produk pembiayaan, produk Ar-Rahnu, jualan emas, perkhidmatan insurans dan wasiat. Selain itu, Koperkasa turut menawarkan pembiayaan dengan kadar keuntungan bermula serendah 2.99 peratus sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, berkuat kuasa mulai 13 Ogos 2026.

Turut hadir ialah Datu Dr. Haji Azhar Bin Hj. Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Leadership Institute of Sarawak Civil Service, Rizal Bin Ismail, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, serta Ahmad Zaiwin Bin Mohamad Kassim, Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Sarawak. Selain itu, majlis ini turut dihadiri oleh wakil daripada jabatan-jabatan kerajaan dan pihak bank.

Penganjuran Hari Terbuka Harmoni & Penghargaan Keanggotaan ini diharapkan dapat terus memperkukuh hubungan antara Koperkasa dengan anggotanya, selain meningkatkan kesedaran anggota terhadap pelbagai produk, perkhidmatan dan manfaat yang disediakan oleh koperasi.